

# Bumiputera ketin

## Dalam semua kegiatan ekonomi

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat – Bumiputera masih ketinggalan dalam hampir semua kegiatan ekonomi walaupun Majlis Amanah Rakyat (Mara) serta agensi dan dana lain diwujudkan untuk membantu mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun tiada siapa boleh menafikan bahawa Mara banyak menyumbang kepada peningkatan prestasi Bumiputera dalam bidang ekonomi, tetapi pencapaian mereka rendah berbanding usaha dan peruntukan yang diberi.

“Tidak keterlaluan kalau dikatakan hampir setiap orang atau keluarga Melayu/Bumiputera sudah, sedang dan akan menerima kemudahan Rida-Mara, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

“Sekarang, kerajaan bimbang kerana hampir tidak ada kehadiran Bumiputera di pusat-pusat pertumbuhan baru disebabkan mereka kurang berminat dengan perniagaan runcit. Mereka lebih berminat dengan kontrak kerajaan yang besar, yang menjanjikan pulangan tinggi dan cepat.

“Sebab itu kerajaan memperkenalkan projek menggalakkan Bumiputera menjalankan perniagaan runcit di bandar-bandar baru bagi mengelak rakyat pelbagai kaum terpisah semula dan keadaan sosial yang tidak sihat,” katanya berucap melancarkan perayaan jubli emas Rida-Mara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Majlis itu dihadiri kira-kira 5,000 warga Mara, termasuk pelajar biayaan institusinya dan Pengarah Pertama Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tan Sri Arshad Ayub, yang diumumkan “Tokoh Rida-Mara”.

“ BH 4 NOV 2000

**Sekarang, kerajaan bimbang kerana hampir tidak ada kehadiran Bumiputera di pusat-pusat pertumbuhan baru disebabkan mereka kurang berminat dengan perniagaan runcit. Mereka lebih berminat dengan kontrak kerajaan yang besar, yang menjanjikan pulangan tinggi dan cepat**

”

– DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD

### Teks ucapan di Muka 23

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz dan Pengerusi Mara, Datuk Wira Abu Seman Yusop.

Mara menaja lebih 160,000 pelajar di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri sejak 1966 dengan menghabiskan peruntukan kira-kira RM5 bilion, manakala lebih 300,000 orang dilatih dan dididik di institusi pendidikan Mara di seluruh negara.

Dari segi kemudahan pembiayaan, sejak 1951 ketika era Rida hingga Ogos lalu, sebanyak RM1.2 bilion pinjaman dikeluarkan oleh Mara kepada lebih 129,000 orang.

Dalam sidang akhbar selepas itu, ketika ditanya sama ada kerajaan mahu merangka pendekatan baru terhadap Mara yang ditubuhkan pada 1950 sebagai Lembaga Kema-juan dan Perusahaan (Rida), Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji

masalah dan sebab matlamat memajukan Bumiputera menemui kegagalan.

Sebagai contoh, kerajaan perlu menyelidik kenapa pelajar lelaki cuma 35 peratus daripada jumlah pelajar Bumiputera sekarang.

“Apakah pelajar lelaki sedang buat sekarang, apakah mereka belajar di tempat lain, atau tidak belajar, itu kita tak tahu,” katanya.

Ditanya apakah beliau berpuas hati dengan prestasi Mara, Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah berpuas hati dengan apa pun.

“Mara yang berusaha...yang itu saya puas hati tetapi hasilnya kurang memuaskan berbanding dengan perbelanjaan yang kita buat,” katanya.

Beliau berkata, Mara diberikan modal berbilion ringgit untuk membantu orang Melayu dan Bumiputera lain dalam semua bidang tetapi prestasinya tidak setimpal dengan usaha dan peruntukan, malah kadang-kadang lebih buruk.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut melahirkan kekecewaan dengan

LIHAT MUKA 2

# Nasib Bumiputera di tangan sendiri

DARI MUKA 1 **BH** - 4 NOV 2000

sikap Bumiputera kerana sentiasa mencari jalan mudah dan mengingatkan mereka agar jangan menyalahkan penjajah atau orang lain jika gagal mengubah nasib.

Setelah 43 tahun merdeka, katanya, nasib Bumiputera terletak di tangan sendiri dan mereka harus berusaha memajukan diri kerana tugas mengangkat martabat serta maruah bangsa bukan tanggungjawab Mara dan kerajaan saja.

Dr Mahathir berkata, seperti juga projek dan bantuan Mara, kejayaan tidak akan diperolehi secara berkesan melainkan Bumiputera yang diberi peluang menggunakannya dengan baik.

"Perbuatan menjual baja subsidi atau mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk komputer tetapi digunakan untuk belanja hangus lain, mengkhianati usaha kerajaan untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi anta-

ra rakyat pelbagai kaum.

"Selama empat setengah abad, kita dijajah dan disekat daripada menjayakan diri kita. Kita dihina dan diketepikan seolah-olah kita tidak ada hak sama-sekali. Tetapi sekarang kita sudah merdeka," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, Mara, yang ditugaskan untuk mengubah nasib orang Melayu dan Bumiputera di negara ini masih relevan dan agendanya mesti diteruskan.